

Jail Ucapan

Ucapan Inche Hussien Omar,
menteri Pelajaran, melalui Televisyen
dan Radio Malaysia, untuk
mengemukakan Laporan mengenai
Pelaksanaan Dasar Pelajaran
Tuhadap Pelajaran Ujama Islam
di sekolah sekolah bantuan
persekutuan Kerajaan, pada 19hb
Septembar, 1972.

Tuan-tuan dan puan-puan.

1. Beberapa bulan dahulu, saya telah berjanji bahwa Kementerian Pelajaran akan mengeluarkan satu laporan mengenai pelaksanaan dasar pelajaran terhadap pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah bantuan pemerintah.

2. Laporan itu sudah pun siap dan di cetak. Ini ialah sa naskah laporan itu. Naskah ini ialah dalam tulisan semi dan dapat di beli daripada Dewan Bahasa dan Pustaka atau pun daripada kedai kedai buku. Harganya sa naskah ialah 60 sen. Naskah dalam tulisan jawi sedang di cetak dan di jangka siap tidak beberapa lama lagi.

3. Didalam kata kata Aluan kepada Laporan ini, saya telah ~~menyatakan~~ ^{mengatakan} bahwa pelajaran agama islam telah menjadi satu mata pelajaran yang penting dalam sistem pelajaran kebangsaan kita. Pihak Kementerian Pelajaran telah menjalankan tugas nya dengan melaksanakan pelajaran agama islam di sekolah² sekolah bantuan penuh kerajaan semenjak tahun 1962. Sungguh pun demikian, setengah setengah orang ramai maseh keliru dan ragu dengan tugas yang di jalankan oleh Kementerian ini. Untuk menghilangkan

(4)

keraguan dan kekeliruan ~~maka~~ ^{itu, serta}
memerangkan tugas dan peranan yang
di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran
dalam mengembangkan pelajaran agama
Islam di kalangan murid-murid
sekolah, maka laporan ini telah di
keluarkan.

Laporan ini menerangkan berbagai -

4. Didalam laporan ini,

bagai perkara yang penting mengenai

pelajaran agama islam yang dijalankan

oleh Kementerian Pelajaran. Perkara perkara

itu termasuklah :-

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

(v)

(vi)


(vii)

(viii)

5. Pelajaran Ujian telah di beri asas yang kukuh melalui undang 2 mulai diipak tahun 1962 apabila Akte Peljira 1961 mengadakan peruntakan yang menjejaskan pelajaran di sekolah. ^{pernah} Kerajaan jilid terdahulu di sekolah itu bilangan murid yang banggung telah 15 orang atau lebih. Akte ini di bina adalah ~~dasar~~ berdasarkan kepada Laporan Razak dan A. Rahman Tebib

⑦

6. Akhir-nya, saya berharap Tuan-tuan dan puan-puan sekalian mengambil peluang menyenangkan dan mengkaji isi laporan ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut sejauh mana ^{pelaksanaan} ~~peranan~~ yang telah di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran.





No Siri 636
No Penerimaan 29/84

Fair Speed

Ucapan YB Encik Hussein Onn, Menteri Pelajaran, melalui Talivishen dan Radio Malaysia, untuk mengemukakan laporan mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah bantuan penoh Kerajaan, pada 19hb September, 1972
Jam: 2.30 petang

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Beberapa bulan dahulu, saya telah berjanji bahawa Kementerian Pelajaran akan mengeluarkan satu laporan mengenai pelaksanaan dasar pelajaran terhadap pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah bantuan penoh Kerajaan.

2. Laporan itu sudah pun siap dan dicitak.
Ini ialah sanaskah laporan itu. Naskah ini ialah dalam tulisan rumi dan dapat di beli daripada Dewan Bahasa dan Pustaka atau pun daripada kedai-kedai buku. Harganya sanaskah ialah 60 sen. Naskah dalam tulisan jawi sedang dicitak dan di jangka siap tidak beberapa lama lagi.

3. Di dalam kata-kata aluan kepada laparan ini, saya telah menegaskan bahawa pelajaran Ugama Islam telah menjadi satu mata pelajaran yang penting dalam sistem pelajaran kebangsaan kita. Pihak Kementerian Pelajaran telah menjalankan tugasnya dengan melaksanakan pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan semenjak tahun 1962. Sungguh pun demikian, setengah-setengah orang ramai masih keliru dan ragu dengan tugas yang dijalankan oleh Kementerian ini. Untuk menghilangkan keraguan dan kekeliruan itu, serta menerangkan tugas dan peranan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam mengembangkan pelajaran Ugama Islam di kalangan murid-murid sekolah, maka laparan ini telah dikeluarkan.

4. Laporan ini menerangkan berbagai-bagai perkara yang penting mengenai pelajaran Ugama Islam yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Perkara-perkara itu termasuklah :-


- (i) Sejarah Awal Pendidikan Ugama Islam di Malaysia sehingga Zaman sebelum Merdeka.
- (ii) Pelajaran Ugama Islam daripada tahun 1956 hingga tahun 1960.
- (iii) Pelajaran Ugama Islam selepas tahun 1960 hingga masa ini.
- (iv) Kelayakan Guru-Guru Ugama.
- (v) Perbelanjaan Pelajaran Ugama Islam.
- (vi) Kolej Islam Kelang dan Perkembangannya sehingga tertuboh Fakulti Islam di Universiti Kebangsaan.

(vii) Ringkasan Jumlah Semua Perbelanjaan-
Perbelanjaan Kerajaan kepada Pelajaran
Ugama Islam Melalui Kementerian Pelajaran.

(viii) Tulisan Jawi dan Pelajaran Ugama Islam.

5. Pelajaran Ugama Islam diberi asas yang kukuh melalui undang-undang mulai daripada tahun 1962 apabila Akta Pelajaran 1961 mengadakan peruntukan yang mewajibkan pelajaran itu di Sekolah-Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan jika terdapat di sekolah itu bilangan murid yang beragama Islam 15 orang atau lebih. Akta ini dibuat adalah berdasarkan kepada Laporan Razak dan Abdul Rahman Talib.

6. Akhirnya, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian mengambil peluang menyemak dan mengkaji isi laporan ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut sejauh mana pelaksanaan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.



Akhirnya, saya berharap tuan-tuan dan
 para-buan sekalian mengahuti perintah yang
 terkandung dalam laporan ini untuk mengetahui dengan
 lebih lanjut sejauh mana pelaksanaan yang telah di
 jalankan oleh Kementerian Pelajaran.



No Siri	636
No Penerimaan	29/89